

**PERANAN MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR SEMASA PERINTAH KAWALAN
PERGERAKAN (PKP) AKIBAT PANDEMIK COVID-19****THE ROLE OF JOHOR STATE ISLAMIC RELIGIOUS COUNCIL DURING THE MOVEMENT
CONTROL ORDER (MCO) DUE TO COVID-19 PANDEMICS**

*^{i&ii} Nur Zainatul Nadra Zainol, ^{i&ii} Mustapahayuddin Abd Khalim, ⁱⁱ Wan Ainaa Mardhiah Wan Zahari,

ⁱⁱⁱAzlan Kuangit@Abdullah

ⁱInstitut Ahli Sunnah wal Jamaah, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia Johor.

ⁱⁱJabatan Pengajian Islam, Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia Johor.

ⁱⁱⁱBahagian Zakat, Baitulmal dan Wakaf, Majlis Agama Islam Negeri Johor

*(Corresponding author) email: nadra@uthm.edu.my

ABSTRACT

The Johor State Islamic Religious Council (MAIJ) was established on 1925 under the authority of Part IV, Chapter XV, Board of Regulations for the Rule of the King. There are initial functions and main functions for MAIJ. MAIJ's initial function was to manage religious affairs, provide advice on the King's customs, provide lessons / education to the King's relatives and manage the welfare of the Muslim community. Meanwhile, its main function is to manage and administer the Group of *Zakat & Fitrah* Fund (*Kumpulan Wang Zakat & Fitrah*) and distribute the fund according to *asnaf*, manage and administer the Fund / Baitulmal Property and the *Wakaf* Fund as a *Wakaf* Trustee. This article aims to analyze the types of assistance and contributions due to Covid-19 pandemic during the Movement Control Order (MCO) on 18 March 2020 to 31 March 2020 organized by the Johor Islamic Religious Council. This study is a qualitative study with content analysis design. The results show that the Johor Islamic Religious Council provides assistance to people in need with a set amount along with the number of recipients to be in line with the budget. This study lists the types of donations along with the amount of aid money as a reference for recipients during the period of the Movement Control Order (MCO)

Keywords: MAINJ, function, donation, help, pandemic

ABSTRAK

Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAIJ) telah ditubuhkan pada tahun 1925 di bawah kuatkuasa Bahagian IV, Bab XV, Lembaga Aturan Bagi Pemerintahan Raja. Terdapat fungsi awal dan fungsi utama bagi MAIJ. Fungsi awal MAIJ ialah menguruskan hal ehwal agama, memberi khidmat nasihat mengenai adat istiadat Raja, memberi pelajaran / pendidikan kepada kerabat Di Raja dan menguruskan kebajikan masyarakat Islam. Manakala, fungsi utamanya ialah menguruskan dan mentadbir Kumpulan Wang Zakat & Fitrah dan mengagihkan mengikut asnaf, mengurus dan mentadbir Kumpulan Wang / Harta Baitulmal dan Kumpulan Wang Wakaf sebagai Pemegang Amanah Wakaf. Artikel ini bertujuan untuk menganalisis jenis-jenis bantuan dan sumbangan Covid-19 sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 18 Mac 2020 hingga 31 Mac 2020 yang dianjurkan oleh Majlis Agama Islam Negeri Johor. Kajian ini adalah kajian kualitatif dengan reka bentuk analisis kandungan. Hasil kajian menunjukkan bahawa Majlis Agama Islam Negeri Johor memberi bantuan kepada orang yang memerlukan dengan jumlah yang ditetapkan beserta jumlah penerima supaya selaras dengan belanjawan. Kajian ini menyenaraikan jenis sumbangan beserta jumlah wang bantuan sebagai rujukan untuk penerima sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)

Kata kunci: majlis, fungsi, sumbangan, bantuan, pandemik

Latar Belakang Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ)

Majlis Agama Islam Negeri Johor ditubuhkan pada tahun 1925 di bawah kuatkuasa Bahagian IV, Bab XV, Lembaga Aturan Bagi Pemerintahan Raja. Terdapat fungsi-fungsinya seperti fungsi awal dan utama. Antara fungsi awal Majlis Agama Islam Negeri Johor ialah menguruskan hal ehwal Agama, memberi khidmat nasihat mengenai adat istiadat Raja, memberi pelajaran / pendidikan kepada kerabat Di Raja dan menguruskan kebajikan masyarakat Islam. Manakala bagi fungsi utamanya ialah menguruskan dan mentadbir Kumpulan Wang Zakat & Fitrah dan mengagihkan mengikut asnaf, mengurus dan mentadbir Kumpulan Wang / Harta Baitulmal dan Kumpulan Wang Wakaf sebagai Pemegang Amanah Wakaf. Pada tahun 1936 perlantikan Ahli Majlis dikuatkuasakan melalui Warta Kerajaan. Dengan itu, fungsi Majlis adalah sebagai penggubal dasar agama Islam bagi negeri Johor.

i) Penubuhan Majlis

Seksyen 4 (1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam Tahun 1978:

“Hendaklah ditubuhkan sesuatu Majlis Agama Islam Negeri Johor yang disebutkan dalam Bahasa Inggeris sebagai “*Council of the Religion of Islam Johore*” dan kemudian daripada ini disebutkan sebagai “Majlis” yang kekal turun temurun”.

ii) Pindaan Enakmen

Seksyen 4 (1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor Tahun 2003:

“Maka hendaklah ada satu badan bernama “Majlis Agama Islam Negeri Johor” untuk membantu dan menasihati Sultan dalam perkara-perkara yang berhubungan dengan agama Islam “

iii) Visi Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ)

Visi Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) adalah seperti berikut:

” KE ARAH PEMBENTUKAN MUKMIN SEJAHTERA”

iv) Misi Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ)

Misi penubuhan Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) pula adalah seperti berikut:

“Melalui pembentukan individu dan masyarakat yang sentiasa berpegang teguh kepada ajaran Islam seluruhnya bagi melahirkan masyarakat yang berakhhlak mulia, berdaya saing, prihatin, penyayang, tolong menolong dan bersatu padu sebagai pemangkin kepada kesejahteraan ekonomi dan sosial ummah.”

v) Objektif MAINJ

Objektif penubuhan Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) adalah seperti berikut:

- Memantapkan masyarakat Islam tentang konsep Baitulmal, Zakat dan Wakaf.
- Menjelaskan kepentingan Baitulmal, Zakat dan Wakaf di dalam merealisasikan sosio ekonomi Islam.

Memberi kesedaran kepada umat Islam akan pentingnya merebut peluang pembangunan bagi memajukan ekonomi Islam.

Pengenalan COVID-19

Coronavirus (CoV) adalah sejenis virus yang boleh menyebabkan jangkitan saluran pernafasan. Terdapat beberapa jenis coronavirus seperti *severe acute respiratory syndrome coronavirus* (SARS) dan *Middle East Respiratory syndrome-related coronavirus* (MER-CoV). Coronavirus terbaru yang ditemui di China adalah Coronavirus 2019 (COVID-19). Jangkitan Coronavirus boleh menyebabkan spektrum gejala daripada selesama biasa kepada radang paru-paru (pneumonia) yang teruk.

Coronavirus atau COVID-19 adalah virus corona yang baru dan KKM sentiasa berhubung dengan pihak antarabangsa termasuk Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) untuk mempelajari *characteristic* and *behavior* virus ini. KKM dan badan-badan kesihatan dunia semuanya tiada pengalaman menangani virus COVID-19 ini, Walaubagaimanapun, KKM mempunyai pengalaman menangani virus lain dalam kumpulan ini seperti SARS dan MERS CoV. Dalam menangani kluster atau wabak jangkitan SARS dan MERS CoV, pematuhan kepada prinsip kesihatan awam yang ketat serta pengawalan jangkitan telah membolehkan kluster atau wabak penyakit tersebut dihentikan. Pihak KKM yakin dengan mengamalkan prinsip yang sama akan berjaya menangani kluster jangkitan COVID-19 ini.

Cara penularan Coronavirus (COVID-19) masih belum dikenalpasti. Walaubagaimanapun, jangkitan daripada manusia kepada manusia yang lain telah disahkan berlaku. KKM kini sedang mengawasi perkembangan jangkitan ini dan situasi sentiasa berubah dan akan mengemaskini maklumat penyakit ini dalam laman sesawang KKM dari semasa ke semasa. Orang ramai dinasihatkan supaya sentiasa berwaspada dan mengamalkan kebersihan diri yang baik.

i) Kaedah Pencegahan COVID-19

Pemakaian penutup mulut dan hidung *surgical* atau *3-ply face mask* adalah disyorkan kerana ia membantu mengurangkan penyebaran virus dan lebih praktikal untuk digunakan oleh orang awam. Ia bagi menghalang pendedahan orang lain kepada titisan dan percikan air liur orang yang memakai penutup mulut dan hidung ini. Namun penutup mulut dan hidung N95 tidak disyorkan kerana ia lebih ketat dan boleh menyebabkan pemakainya berasa sukar untuk bernafas. Ia lebih sesuai digunakan oleh anggota kesihatan yang mengendalikan pesakit di fasiliti kesihatan.

ii) Gejala COVID-19

Gejala radang paru-paru (pneumonia) COVID-19 adalah demam, batuk dan sukar bernafas. Jika individu mempunyai gejala demam atau jangkitan saluran pernafasan seperti batuk dan hidung berair, hendaklah berjumpa doktor dengan segera.

iii) Risiko COVID-19

Coronavirus (COVID-19) ini berpotensi menyebabkan penyakit yang teruk dan kematian terutamanya dalam kalangan orang tua dan orang yang mempunyai masalah kesihatan atau sistem imun yang rendah. Walaubagaimanapun, ciri-ciri terperinci virus ini belum diketahui dan boleh berubah dari semasa ke semasa.

iv) Langkah-Langkah Pencegahan Jangkitan COVID-19

Langkah-langkah pencegahan jangkitan covid19 adalah seperti berikut:

- Amalkan tahap kebersihan diri yang tinggi setiap masa seperti kerap mencuci tangan dengan menggunakan air dan sabun atau *hand sanitizer*;
- Sentiasa membawa bersama penutup mulut dan hidung (*face mask*) serta *hand sanitizer* untuk digunakan apabila perlu semasa dalam tempoh lawatan;

- Elakkan dari mengunjungi tempat tumpuan ramai dan bergaul rapat dengan mana-mana individu yang bergejala semasa dalam tempoh lawatan;
- Elakkan dari melawat ke ladang haiwan, pasar yang menjual haiwan hidup, tempat sembelihan haiwan atau menyentuh sebarang jenis haiwan semasa dalam tempoh lawatan; dan
- Elakkan dari memakan sebarang produk haiwan mentah / tidak dimasak dengan sempurna semasa dalam tempoh lawatan.

Tindakan KKM dalam mencegah dan mengawal penularan penyakit COVID-19 ini ialah dengan memantau situasi wabak jangkitan COVID-19 ini secara harian melalui sumber-sumber yang sahih sejak 10 Januari 2020, di samping menjalankan aktiviti-aktiviti berikut:

Jadual 1: Aktiviti-Aktiviti Pemantauan Situasi Wabak Jangkitan COVID-19

1.	Membuka Bilik Gerakan COVID-19
2.	Menyediakan dan mengeluarkan kenyataan akhbar memaklumkan kepada orang ramai mengenai situasi terkini wabak ini
3.	Membuat saringan gejala di pintu-pintu masuk antarabangsa Malaysia.
4.	Membuat saringan gejala di fasiliti kesihatan, membuat rujukan dan isolasi kes di hospital-hospital terpilih
5.	Menjalankan pemantauan kontak di rumah atau tempat-tempat pengasingan yang termaktub dalam Perintah Pemantauan dan Pengasingan
6.	Meningkatkan kapasiti isolasi di hospital.
7.	Memantapkan kapabiliti makmal dalam menjalankan ujian pengesanan virus novel ini.
8.	Menjalankan latihan kepada kakitangan kesihatan khususnya penggunaan alat pelindung diri (PPE) yang betul
9.	Memastikan <i>stockpile</i> PPE dan ubat-ubatan bagi merawat gejala dan komplikasi mencukupi
10.	Meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai jangkitan virus nCoV ini melalui media sosial dan media cetak

(Sumber: KKM 2020)

v) Perintah Kawalan Pergerakan (*Movement Control Order*)

Umum mengetahui bahawa dunia digemparkan dengan virus Covid-19. Penularan virus ini tidak boleh dikawal mengakibatkan kerajaan memutuskan untuk melakukan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi menghentikan penularan virus Covid-19.

Perintah ini berkuatkuasa dari 18 Mac sehingga 31 Ogos 2020. Perintah ini disandarkan pada Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967. Oleh sebab itu, kerajaan memerintahkan untuk menyekat perjalanan ke luar negara, larangan menyeluruh pergerakan dan perhimpunan ramai termasuk aktiviti keagamaan, sukan, sosial dan budaya. Selain itu, penutupan sekolah, taska, universiti dan semua premis kerajaan dan swasta kecuali yang terlibat dengan perkhidmatan penting negara (*essential services*).

Perkara ini telah memberi impak yang sangat besar kepada masyarakat dan ekonomi negara khususnya kepada masyarakat marhaen yang berpendapatan rendah. Oleh sebab itu, Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) telah mencari jalan penyelesaian untuk membantu orang yang memerlukan khususnya bangsa Johor dengan memberi bantuan kepada mereka.

Definisi dan Pengertian Sumbangan dan Bantuan

i) Definisi Sumbangan

Sumbangan bermaksud apa-apa yang diberikan sebagai bantuan atau sebagai sokongan atau pertolongan (Kamus Pelajar Edisi Kedua). Selain itu, sumbangan juga bermaksud sesuatu bantuan atau pertolongan yang diberikan (Kamus Dewan Edisi Keempat)

ii) Definisi Bantuan

Bantuan bermaksud apa-apa yang digunakan untuk membantu; pertolongan (Kamus Pelajar Edisi Kedua). Tambahan lagi, bantuan bermaksud sesuatu yang diberikan atau dilakukan untuk membantu, pertolongan, sokongan kepada orang yang tidak mampu membiayai kos khidmat peguam; (Kamus Dewan Edisi Keempat)

iii) Objektif Pemberian Bantuan

Objektif pemberian bantuan adalah:

- Memenuhi keperluan asas (*basic needs*) bagi meringankan beban penerima bantuan
- Alat sokongan sosial (*social support tools*) untuk menilai kemampuan penerima bantuan ke arah berdikari dan mengurangkan kebergantungan kepada bantuan
- Alat pemulihan dan sumbangan (*rehabilitation tools*) agar penerima bantuan terus kekal tinggal bersama komuniti/masyarakat.
- Sumber kewangan sementara penerima bantuan meneruskan kelangsungan dan kesejahteraan hidup.

Analisis Jenis Sumbangan dan Bantuan MAINJ

Bantuan dan Sumbangan Covid-19 Majlis Agama Islam Negeri Johor sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 18 Mac 2020 hingga 31 Jun 2020 yang diperuntukkan sebanyak RM 7.9 juta secara keseluruhannya. Maklumat lanjut tentang jenis-jenis bantuan adalah seperti berikut:

1. Bantuan RM 1.95 Juta Kepada Asnaf MAINJ

Tunai tambahan RM 100 disalurkan kepada penerima bantuan sara hidup dan bantuan perubatan bulanan sebagai tambahan kepada bantuan untuk bulan April 2020 yang diawalkan dengan kos sebanyak RM 6.2 Juta. Pembayaran awal akan dilaksanakan bagi meringankan beban asnaf di negeri Johor ekoran Covid-19. Sebanyak 16,402 orang penerima bantuan sara hidup dan 3,149 penerima bantuan perubatan yang dianggarkan akan menerima bantuan ini. Oleh itu, jumlah keseluruhan bagi perbelanjaan ini adalah sebanyak RM 1.95 Juta. Dengan itu, setiap individu akan diberikan bantuan sebanyak RM 100 sahaja. Penerima bantuan ini untuk seisi rumah bagi mereka yang terlibat dengan keadaan berikut:

Jadual 1: Syarat Penerima Bantuan Asnaf MAINJ

- | | |
|------|------------------------------------------------------------------------------------------------|
| i. | Keluarga yang terputus bekalan makanan. |
| ii. | Mereka yang tidak dapat bekerja sehingga kehilangan sumber pendapatan atau tidak dibayar gaji. |
| iii. | Mereka yang berstatus Orang Kelainan Upaya (OKU). |
| iv. | Ahli keluarga individu positif COVID-19 |
| v. | Ahli keluarga yang sedang dikuarantin di pusat kuarantin. |
| vi. | Ahli keluarga yang sedang dalam proses kuarantin di kediaman masing-masing. |

2. Bantuan RM 684,000 kepada individu yang positif Covid-19 dan keluarga pesakit

Bantuan ini diberikan kepada individu yang disahkan positif Covid-19 dan kepada keluarga atau waris pesakit yang meninggal akibat Covid-19. Dengan itu, sebanyak RM 1,000 yang diperuntukkan oleh

MAINJ berkaitan dengan bantuan ini. Sebanyak 684 penerima individu Covid-19 dan 10 penerima bagi keluarga pesakit yang meninggal dunia akibat Covid-19 yang telah disalurkan mendapat bantuan ini. Selain itu, terdapat juga bantuan RM 100 secara tunai diberikan kepada individu yang ditempatkan di Pusat Kuarantine di bawah Jabatan Kesihatan Negeri Johor. Tambahan lagi, RM 100 sebagai keperluan atas kepada ahli keluarga individu positif Covid-19 dan ahli keluarga yang sedang dikuarantinkan di pusat kuarantine dan di kediaman masing-masing. Maka dengan itu, jumlah perbelanjaan sebanyak RM 310,000.00.

3. Bantuan RM 3.6 Juta kepada yang hilang punca pendapatan

Bantuan ini bertujuan untuk meringankan beban seisi rumah bagi keluarga yang terputus bekalan makanan disebabkan tidak dapat bekerja dan hilang pendapatan harian atau tidak dibayar gaji sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). MAINJ telah menetapkan 36,000 penerima untuk bantuan ini.

4. Bantuan RM 178,000 kepada pelajar Johor di Mesir dan Jordan

Bagi bantuan ini, MAINJ telah memberi bantuan sebanyak RM 200 ringgit kepada 785 pelajar Johor di Mesir dalam bidang pengajian Islam dan Perubatan. Tambahan lagi, sebanyak RM 300 ringgit kepada 70 orang pelajar yang berada di Jordan. Dengan itu, jumlah perbelanjaan sebanyak RM 178,000.00 bagi 855 penerima.

5. Bantuan RM 234, 000 kepada pelajar Tahfiz dan Madrasah

MAINJ telah memperuntukkan sebanyak RM 234,000.00 ringgit kepada pelajar tahfiz dan madrasah. Sebanyak 117 buah madrasah penerima telah menerima bantuan ini dengan jumlah RM 2000 bagi setiap madrasah. Bantuan ini berbentuk tunai bagi keperluan atas kepada pelajar yang tidak pulang ke rumah disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

6. Bantuan RM 600, 000 bagi keperluan aset perubatan dan bukan perubatan

Bantuan ini adalah sumbangan bagi kegunaan keperluan aset perubatan dan bukan perubatan serta lain-lain keperluan menangani Covid-19 melalui Jabatan Kesihatan Negeri Johor di semua hospital yang terlibat. Jumlah perbelanjaan sebanyak RM 600,000.00.

7. Bantuan RM 100,000 kepada peniaga-peniaga kecil Asnaf MAINJ

Bantuan ini diberikan kepada peniaga-peniaga kecil Asnaf MAINJ sebanyak RM 500 ringgit sahaja per individu. Seramai 200 penerima sahaja yang akan menerima bantuan ini. Maka, jumlah perbelanjaan keseluruhan bagi bantuan ini sebanyak RM 100,000.00 ringgit. Bantuan ini bertujuan sebagai Bantuan Ihsan Johor RM 500 'One Off' bagi meringankan beban peniaga-peniaga kecil asnaf MAINJ yang terjejas.

8. Bantuan RM 416,300 barang keperluan asas kepada Orang Asli

Selain itu, terdapat juga bantuan khas yang diberikan kepada ketua keluarga orang asli seluruh negeri Johor dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM 428,000.00. Jumlah penerima adalah seramai 4,163 orang. Bantuan ini merangkumi barang keperluan asas berjumlah RM100.00 untuk seisi rumah orang asli di seluruh negeri Johor.

Penutup

Bantuan dan sumbangan Covid-19 yang diberikan oleh Majlis Agama Islam Negeri Johor sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 18 Mac 2020 hingga 31 Jun 2020 adalah amat penting dalam kehidupan manusia dalam meneruskan hidup mereka. Akibat Covid-19, telah ramai masyarakat Malaysia yang kehilangan pekerja, hilang mata pencarian untuk seisi keluarga dan hilang tempat tinggal atas faktor kewangan dan ekonomi. Melalui bantuan yang telah disalurkan oleh Majlis Agama Islam Negeri Johor kepada bangsa Johor, didapati bahawa MAINJ sangat menjaga kebijakan masyarakat. Seperti sedia maklum kehidupan di dunia ini penuh dengan ujian tanpa mengira sesiapa pun sama ada kaya atau miskin

tetap ada ujiannya. Setiap ujian yang dihadapi dalam kehidupan ini mampu menjadikan seorang insan itu lebih kuat dan tabah.

Tidak mungkin orang beriman akan memperoleh pahala dan nikmat syurga tanpa sebarang ujian dan kesusahan. Cuma yang membezakan antara manusia adalah bentuk ujian yang diterima. Apabila dihadirkan ujian, antara perkara yang perlu disematkan dalam diri ialah perlunya untuk bersabar. Mungkin ia mudah untuk diungkap, namun sukar untuk dipraktikkan sekiranya tanpa adanya iman. Tambahan lagi, Rasulullah SAW pernah menjelaskan kehebatan orang yang beriman kerana mereka sentiasa bersyukur dan bersabar dalam menghadapi urusan kehidupan dunia. Oleh itu, kita tidak boleh rasa lemah dan putus asa tatkala menerima ujian dalam kehidupan. Jauh sekali menyalahkan takdir Ilahi. Yakinlah, setiap ujian itu akan hadir bersamanya hikmah yang besar sekiranya dilalui dengan sabar dan berikhtiar menyelesaikannya.

Penghargaan

Penghargaan ditujukan kepada Ketua Penolong Pengarah Zakat, Baitulmal dan Wakaf Majlis Agama Islam Negeri Johor yang telah berkongsi maklumat dan data bagi menyempurnakan kajian ini.

Rujukan

- Kementerian Kesihatan Malaysia. (n.d.). *Soalan Lazim Penyakit Coronavirus (Covid-19)*.
- Laman Web Rasmi Majlis Keselamatan Negara. (2020, Jun 11). Retrieved from mkn.gov: <https://www.mkn.gov.my/web/ms/>
- Latar Belakang MAINJ. (n.d.). Retrieved from Majlis Agama Islam Negeri Johor : http://www.MAINJ.gov.my/?page_id=22
- Portal Rasmi Jabatan Kebajikan Masyarakat. (n.d.). Retrieved from jkm.gov: <http://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/left&id=NzFHMnJLSWxoQytM3RscmUvMVdWZz09>
- Pusat Rujukan Persuratan Melayu. (n.d.). Retrieved from ppm.dbp: <https://pprm.dbp.gov.my/>